

PERANAN HAJI HASSAN ISMAIL DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DI MALAYSIA

HAJI HASSAN ISMAIL'S ROLE IN QURANIC MEMORIZATION IN MALAYSIA

Mohd Hasbie al-Shiddique bin Ahmad,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor
Emel: alshiddique@kuis.edu.my

Abdul Mukti bin Baharuddin
Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor
Emel: abdulmukti@kuis.edu.my

Khairul Anuar Mohammad
Fakulti Pengajian al-Quran dan al-Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
Emel: khairul@usim.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia semakin menjadi pilihan di kalangan masyarakat Malaysia. Pendidikan tahfiz di Malaysia bermula pada tahun 1966 setelah diperkenalkan oleh YAM Tengku Abdul Rahman dengan melantik Dato' Haji Mohd Noor bin Ibrahim sebagai pengetua pertama di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Setelah Dato' Haji Mohd Noor Ibrahim dilantik sebagai mufti Kelantan, maka pengetua Maahad Tahfiz al-Quran digantikan oleh Haji Hassan bin Ismail (1970-1978). Dalam tempoh hampir 8 tahun, Haji Hassan Ismail memainkan peranan besar dalam pendidikan Tahfiz dan menyambung idealogi Dato' Haji Mohd Noor bin Ibrahim. Namun demikian, kajian ilmiah terhadap Haji Hassan Ismail kurang diberi perhatian berbanding Dato' Haji Mohd Noor bin Ibrahim. Oleh yang demikian fokus kajian ini

adalah untuk memperkenalkan peranan Haji Hassan Ismail sepanjang penglibatan dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Manakala method kualitatif dipilih sepanjang kajian dijalankan dengan menjadikan temuramah sebagai instrumen kajian. Hasil kajian mendapati bahawa Haji Hassan Ismail mempunyai peranan yang besar dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Ini berdasarkan tempoh amanah yang diberikan sebagai pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat.

Kata Kunci: Pendidikan Tahfiz, Peranan, Haji Hassan Ismail, Pengetua.

ABSTRACT

The Tahfiz al-Quran education in Malaysia is experiencing growth and has become a preferred choice among the Malaysian community. Officially introduced in 1966 by YAM Tengku Abdul Rahman, Tahfiz education began with the appointment of Dato' Haji Mohd Noor bin Ibrahim as the first principal at Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Dato' Haji Mohd Noor bin Ibrahim served as the principal for two years, from 1966 to 1968, before assuming the position of Mufti of Kelantan. Subsequently, Haji Hassan bin Ismail assumed the role of principal at Maahad Tahfiz al-Quran from 1970 to 1978. During his nearly eight years as principal, Haji Hassan Ismail continued the ideology of Dato' Haji Mohd Noor bin Ibrahim in Tahfiz Education and implemented his own strategies. However, the contributions of Haji Hassan Ismail have not been adequately discussed in academic discourse or written works compared to Dato' Haji Mohd Noor bin Ibrahim. Therefore, this study aims to shed light on Haji Hassan Ismail's role in the field of al-Quran, particularly in Tahfiz al-Quran education. The qualitative method was employed, utilizing interviews as a research instrument. The findings reveal that Haji Hassan Ismail played a significant role in Tahfiz al-Quran education based on his experiences as the principal of Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat. This study aims to rectify the lack of scholarly attention given to Haji Hassan Ismail's contributions and highlight his valuable role in the development of Tahfiz education.

Keywords: Tahfiz al-Quran education, Role, Haji Hassan Ismail, Principal.

1. PENDAHULUAN

Berdasarkan sejarah penurunan al-Quran di Gua Hira', Nabi Muhammad saw mengikut bacaan Jibrail a.s setelah beberapa kali memaklumkan kepada Jibrail a.s mengenai ketidakupayaan nabi Muhammad saw dalam memenuhi hajat Jibrail a.s. Namun dengan panduan dan tunjuk ajar Jibrail a.s, Nabi Muhammad saw dapat membaca awal Surah al-Alaq sehingga ayat 5. Maka proses permulaan talaqqi al-Quran boleh disandarkan berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku di Gua Hira'¹.

Selain itu terdapat beberapa dalil yang membuktikan bahawa pembelajaran al-Quran haruslah melalui kaedah talaqqi. Kebanyakan ulama dalam bidang Ulum al-Quran berpegang dalil-dalil al-quran dan al-hadith. Antara dalil yang dikaitkan dengan pengajian al-Quran ialah:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ ۱٦ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ ۖ وَقُرْآنَهُ ۗ ۱٧ فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۗ
١٨

Maksudnya: *Janganlah engkau (Muhammad) menggerak-gerakkan lidahmu kerana hendak bersegera membaca dan menghafaznya (sebelum selesai Jibril membacanya). Sesungguhnya kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran (ke dadamu) dan Kamilah yang menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutlah bacaannya*". (Surah al-Qiyamah 75: 16-18)

Berdasarkan petikan ayat di atas, dapat dikategorikan kepada tiga bahagian yang utama². (Rawi, 1994) Allah swt ingin mengajar Nabi Muhamad saw cara bertalaqqi wahyu. Sesungguhnya Nabi Muhamamd saw telah mendahului bacaan Jibrail sebelum sempurna bacaan Jibrail a.s. Seterusnya Allah mengarahkan Nabi Muhammad saw supaya mendengar sepenuhnya bacaan tersebut dan Allah swt akan menjaga dan menjelaskan ayat tersebut. seterusnya Nabi Muhammad saw mengikut bacaan Jibrail AS.

Terdapat juga dalil dari surah Surah al-Isra' 17: 106:

وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ۗ ۱٠٦

¹ . Sedek Ariffin. 2009. Kepentingan Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembacaan al-Quran. Jurnal Darul Quran.

² . (Rawi, 1994)

Maksudnya: “Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan ia supaya engkau (Wahai Muhammad) membacakannya kepada manusia dengan lambat, tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur”. (Surah al-Isra’ 17: 106)

Begitu juga dalil dari Surah al-Naml ayat 6.

وَإِنَّكَ لَتُلْقَى الْفُرْعَانَ مِنْ لَدُنِّ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ٦

Maksudnya: “Dan Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.” (Surah al-Naml 16:6)

Nabi Muhammad saw juga bertalaqqi bersama Jibrail a.s semasa hanyatnya dan menghidupkan bulan Ramadhan dengan bertalaqqi bersama Jabrail a.s. sehingga diakhir usia Nabi Muhammad saw. Tambahan pula, pada tahun terakhir hayat Nabi Muhammad saw telah bertalaqqi bersama gurunya iaitu Jibrail a.s sebanyak dua kali khatam pada bulan Ramadhan. Sekali gus dapat membuktikan bahawa kaedah pemindahan al-Quran menerusi kaedah talaqqi. Hal ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah dan Fatimah r.a katanya: kami mendengar Rasulullah saw bersabda³:

" أن اجبريل كان يعارضني القرآن يف كل سنة مرة ، وأنه عارضني العام مرتني، وال أراه إال " "حضر أجلي"

Maksudnya: “Jibrail membaca al-Quran kepadaku setiap tahun sekali dan sesungguhnya Jibrail membaca al-Quran kepadaku pada tahun ini sebanyak dua kali. Aku tidak melihatnya melainkan ajalku telah datang.”

2. Pengenalan Pengajian Tahfiz Di Malaysia

Kelas pengajian tahfiz al-quran pertama yang dikenalkan oleh Dato’ Haji Mohd Nor bin Ibrahim yang merupakan seorang tokoh al-Quran di Malaysia⁴. Kelas pengajian tahfiz al-Quran bermula secara tidak rasmi di rumah Dato’ Haji Mohd Nor bin Ibrahim seawal tahun 1940. Kemudian Dato’ Haji Mohd Nor bin Ibrahim dijemput oleh YAM

³ . al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. 1422H. Sahih al-Bukhari. Muhammad Zuhair bin Nasir. Dar Tauq al-Najah. Vol: 4. P: 495. #: 3624.

⁴ . Ab Rahmah al-Qari Bin Abdullah, Shukeri Mohamad Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff. 2012. Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap. Peranan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim. Proceedings of the 2nd Annual International Qur'anic Conference.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj setelah diteliti hasrat untuk menubuhkan kelas pengajian Tahfiz al-Quran⁵. Cadangan ini timbul setelah mengambilkira pandangan Sheikh Mahmud Syaltut semasa sesi perasmian Masjid Negara dan Musabaqah tilawah al-Quran pada tahun 1960⁶.

Penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran wal al-Qiraat tercapai setelah beberapa tahun daripada cadangan penubuhan Kelas Tahfiz al-Quran. Bermula pada 1 Mac 1966, Maahad Tahfiz al-Quran wal al-Qiraat diasaskan boleh YAM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan diletak di bawah Unit Hal ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri⁷. Dalam tempoh 13 tahun bermula dari tahun 1966 hingga 1978 Maahad Tahfiz al-Quran wal al-Qiraat ditempatkan dikelolai oleh Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia⁸. Dalam tempoh tersebut, terdapat pertukaran pengetua pertama iaitu Dato' Haji Mohd Nor bin Ibrahim kepada Dr. Syed Ali Mahfuz Ad-Damanhuri pada tahun 1969, dan Sheikh Haji Hassan bin Ismail pada tahun 1970 – 1978⁹. Oleh yang demikian, Haji Hassan bin Ismail merupakan antara penyumbang terbesar dan terawal kepada perkembangan pengajian tahfiz al-Quran. Sehingga kini Maahad Tahfiz al-Quran wal al-Qiraat terletak di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor yang boleh menampung kapasiti pelajar mencecah hampir 4000 orang pelajar dalam satu masa¹⁰.

⁵ . Khairul Anuar Mohammad. 2021. Sumbangan Dato' Sollehuddin bin Omar Dalam Pendidikan al-Qurn di Malaysia. Mualim al-Quran dan al-Sunnah. <https://doi.org/10.33102/jmq.v17i2.314>

⁶ . Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Sallah Rosman. (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship. Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi, Malaysia. Vol: ISBN: 978-967-10160-9-1. (Kertas Kerja prosiding). Lihat: <https://www.islam.gov.my/en/darul-quran/profil>

⁷ . Khairul Anuar Mohamad. 2006. Tokoh Pendidikan al-Quran Di Malaysia: Dato' Haji Muhammad Nor Bin Haji Ibrahim. Mualim al-Quran wa Sunnah. P: 261-273.

⁸ . Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Sallah Rosman. (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship. Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi, Malaysia. Vol: ISBN: 978-967-10160-9-1. (Kertas Kerja prosiding). web: <https://www.islam.gov.my/en/darul-quran/profil>. Oktober 2022

⁹ . web: <https://www.islam.gov.my/en/darul-quran/profil>. Oktober 2022

¹⁰ . Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Sallah Rosman. (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship. Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi, Malaysia. Vol: ISBN: 978-967-10160-9-1. (Kertas Kerja prosiding). Lihat: <https://www.islam.gov.my/en/darul-quran/profil>

Haji Hasan bin Ismail mengendalikan kelas hafazan dalam tempoh 8 tahun bermula 1970-1978. Dalam tempoh tersebut, Haji Hassan bin Ismail berkesempatan mengendalikan kelas hafazan menerusi 2 pengambilan. Pengambilan pertama adalah seramai 8 orang yang terlibat antaranya Dato' Sheikh Haji Mohamah Nor bin Mansor Al-Hafiz dari Perak, Dato' Hassan Mahmud al-Hafiz dari Perlis, Y.Bhg Dato' Solahuddin bin Omar¹¹, Y.Bhg Dato' Sheikh Haji Mohamad Nor bin Mansur dari Perak.¹² Y.Bhg Dato' Haji Shanggari bin Abdullah dari Johor¹³, Tuan Haji Ahmad Badawi bin Abdullah dari Pahang¹⁴, Tuan Haji Abd Ghaffar bin Rahim dari Sabah¹⁵, Tuan Haji Ilham bin Haji Ihsan dari Selangor, Tuan Haji Syam bin Talib dari Serawak¹⁶.

3. PENGENALAN HAJI HASSAN BIN ISMAIL

Haji Hassan Bin Ismail adalah nama yang tidak perlu dipertikai di kalangan masyarakat Johor terutamanya tempat lahir beliau iaitu daerah Segamat, Johor. Haji Hassan Bin Ismail dilahirkan pada 11 Febuari 1916 M di kampung Lubuk Batu, Segamat, Johor hasil daripada perkongsian hidup Haji Hassan Bin Yusof Bin Haji Penghulu Nur Ad-Din bersama Cik binti Abdul Wahab¹⁷. Haji Hassan Bin Ismail dididik mengikut acuan keagamaan hasil daripada sentuhan ayah dan datuk beliau yang disegani oleh masyarakat setempat disebabkan kealimannya. Ini membuktikan bahawa datuk beliau iaitu Haji Penghulu Nur Ad-Din merupakan seorang yang alim dan bertakwa. Kemudian Haji Ismail merupakan ulama yang terkenal pada zamannya di samping pernah memegang jawatan sebagai Kadi di daerah Segamat, Johor. Menurut Mohd Zaman Tahir, Haji Ismail merupakan Kadi pertama di daerah, Segamat, Johor dan berapa daerah di Johor seperti Muar. Sepanjang memegang jawatan sebagai Naib

¹¹ . Beliau merupakan mantan pengetuan Darul Quran Jakim pada tahun 1980 hingga 1993.

¹² . Beliau merupakan Imam Besar Masjid Negeri Perak. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dan sebagai pengerusi Lajnah Tahsin al-Quran Malaysia.

¹³ . Beliau merupakan mantan Kadi Besar negeri Johor.

¹⁴ . Beliau merupakan Mantan Penolong Pensyarah Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

¹⁵ . Beliau bertugas sebagai Guru Agama Bahagian al-Quran di Jabatan Agama Islam Sabah.

¹⁶ . Khairul Anuar Mohammad. 2021. Sumbangan Dato' Sollehuddin bin Omar Dalam Pendidikan al-Qurn di Malaysia. *Mualim al-Quran dan al-Sunnah*. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v17i2.314>. Lihat: Abd Mutalib Abd Rahim. (2008). Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangnyanya Terhadap Pengajian al-Quran di Johor. UM, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: UM.

¹⁷ . Ungku Mohd Zaman Tahir. (2001). Segamat dan Mitosnya Bahagian 2. Johor: PGI CIPTA SDN BHD.

Kadi Segamat selama lima tahun bermula dari 4 Jun 1908 hingga 14 Julai 1914 Haji Ismail tidak menerima apa-apa bayaran baik gaji mahupun imbuhan¹⁸.

4. PENDIDIKAN AWAL HAJI HASSAN BIN ISMAIL

Haji Hassan bin Ismail menerima didikan awal secara tidak rasmi melalui asuhan bapanya secara langsung iaitu Tuan Haji Ismail bin Yusof. Ayahnya telah menerapkan pendidikan al-quran kepadanya seawal usia enam tahun. Berbeza dengan kanak-kanak yang seusia dengan Haji Ismail pada ketika itu ramai di kalangan kanak-kanak yang menerima didikan sekolah secara rasmi kerajaan. Melalui pendedahan awal yang diterap oleh ayahnya berkaitan kepentingan pengajian al-quran, Haji Hassan bin Ismail telah khatam al-quran di awal usia kanak-kanak. Ketegasan ayahnya telah mendorong Haji Hassan supaya lebih cenderung kepada budaya menuntut ilmu dan membaca al-quran. Oleh itu, Haji Hassan bin Ismail mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah¹⁹.

Pada tahun 1924, Haji Hassan telah merantau ke Mekah untuk mendalami ilmu al-quran. Ketika itu beliau berusia 10 tahun. beliau Mengambil kesempatan semasa berada di Mekah untuk menghafal al-quran di Masjidil Haram. Pada tahun 1930 hingga 1934 Haji Hassan menyambung pengajiannya di Madrasah Dar al-Ulum ad-Diniyyah Makkah al-Mukarramah. Pada usia 15 tahun, beliau sudah bergelar seorang Hafiz al-quran. Berbekalkan semangat pelajar yang tinggi, Haji Hassan bin Ismail melanjutkan pengajiannya di Madrasah al-Tajwid Wa al-Qiraat al-Salabiyyah, Kaherah dari tahun 1936 hingga 1940. Madrasah al-Tajwid Wa al-Qiraat al-Salabiyyah di bawah pentadbiran al-Jamiah al-Ammah Li al-Muhafazah 'Ala al-Quran al-Karim. Dalam tempoh tersebut Haji Hassan bin Ismail memperolehi ijazah dan Syahadah tajwid dan al-qiraat pada tahun 1940²⁰.

Kesungguhan Haji Hassan bin Ismail dalam menceburi bidang al-quran membuahkan hasil apabila Haji Hassan bin Ismail mampu menamatkan pengajiannya di Maahad al-Qiraat Al Azhar, Mesir dalam bidang Takhassus al-Quran pada tahun 1945. Ketika itu beliau berusia 31 tahun. Haji Hassan bin Ismail telah menerima ijazah bacaan qiraat *asyarah al-Sughra* bersama guru beliau iaitu al-Alim al-Fadhil al-Muqri

¹⁸ . Ungku Mohd Zaman Tahir. (2001). Segamat dan Mitosnya Bahagian 2. Johor: PGI CIPTA SDN BHD.

¹⁹ . Abd Mutalib Abd Rahim. (2008). Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangnya Terhadap Pengajian al-Quran di Johor. UM, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: UM. P:26.

²⁰ . Hassan Bin Ismail. 1961. "Sanad Qirā'at Sepuluh Yang Bagi Menyempurnakan bacaan Qirā'at Tujuh". Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor. Jabatan Agama Islam Johor. Bil. 126. P:14 -18.

Sheikh al-Qurrā Muhammad bin Sulaiman al-Sa'idi al-Shindwili al-Azhari. Haji Hassan bin Ismail pernah digelar sebagai Sheikh Al-Muqri oleh guru beliau iaitu Sheikh al-Qurrā Muhammad bin Sulaiman al-Sa'idi al-Shindwili al-Azhari²¹.

5. GURU AL-QURAN HAJI HASSAN BIN ISMAIL

Selain menerima pendidikan secara langsung dari bapanya seawal usia 6 tahun, Haji Hassan bin Ismail melanjutkan pengajian dalam bidang al-quran bersama beberapa guru al-quran yang terkenal di Mekah. Antaranya ialah Syeikh Abdullah bin Qasim Sanggora, Syeikh Muhammad Nur bin Abdullah Senggora dia merupakan anak kepada Abdullah Qasim Sanggora, Syeikh Yahya bin Abdullah Sanggora. Ketiga-tiga gurunya dipelajari ketika Haji Hassan berada di Mekah al-Mukarramah²².

Haji Hassan bin Ismail bukan saja mempelajari al-quran di Makkah al-Mukarramah, bahkan Haji Hassan melanjutkan pengajiannya ke Mesir dan berguru dengan beberapa orang guru yang terkenal di Mesir. Semasa di Mesir, Haji Hassan bin Ismail melanjutkan pengajian di Maahad al-Tajwid wa al-Qiraat al-Azhar sekitar tahun 1940 dan sempat berguru dengan Sheikh Amir Bin al-Sayyid bin Uthman al-Misri al-Azhari juga merupakan mudir di Maahad al-Tajwid wa al-Qiraat al-Azhar. Dikesempatan itu juga, Haji Hassan bin Ismail telah berguru bersama Sheikh Muhammad bin Sulaiman Al Saidi al-Shindwili Al Azhari²³.

6. PENDEKATAN HAJI HASSAN BIN ISMAIL DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ TAHFIZ DI MALAYSIA

Sepanjang tempoh pengendalian sebagai pengetuan Maahad Tahfiz al-Quran wal al-Qiraat, Haji Hassan bin Ismail memberi sumbangan kepada 2 generasi pelajar Maahad Tahfiz al-Quran wal al-Qiraat yang mana generasi pertama dikendalikan oleh Dato' Haji Mohd Nor bin Ibrahim yang seramai 8 orang²⁴. Namun demikian, Pengakaji telah membuat proses temubual bersama 2 orang murid Haji Hassan bin Ismail iaitu

²¹ . Hassan Bin Ismail. 1961. "Sanad Qirā'at Sepuluh Yang Bagi Menyempurnakan bacaan Qirā'at Tujuh". *Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor*. Jabatan Agama Islam Johor. Bil. 126. P:14 -18.

²² . Abd Mutalib Abd Rahim. (2008). *Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangannya Terhadap Pengajian al-Quran di Johor*. UM, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: UM. P:29.

²³ . Abd Mutalib Abd Rahim. (2008). *Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangannya Terhadap Pengajian al-Quran di Johor*. UM, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: UM. P:29.

²⁴ . Khairul Anuar Mohammad. 2021. *Sumbangan Dato' Sollehuddin bin Omar Dalam Pendidikan al-Qurn di Malaysia*. *Mualim al-Quran dan al-Sunnah*. <https://doi.org/10.33102/jmq.v17i2.314>.

Ustaz Azhari Othman²⁵ dan Ustaz Abdul Aziz bin Mohd Nor²⁶. Antara sumbangan Haji Hassan bin Ismail dalam kelas hafazan adalah seperti berikut:

i. Pengendalian Kelas Hafazan al-Quran

Haji Hassan bin Ismail satu-satunya seorang guru yang mengendalikan kelas Hafazan al-Quran seorang diri tanpa dibantu oleh mana-mana ustaz. Kelas Hafazan al-Quran bermula dari jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 12:00 tengah hari dengan dimulakan memperdengarkan hafazan kesemua pelajar dan diikuti dengan pengulangan hafazan yang sebelumnya iaitu murajaah. Menurut Ustaz Abdul Aziz bin Mohd Nor semasa proses hafazan berjalan, Haji Hassan bin Ismail memberi kebebasan kepada pelajarnya untuk menentukan tempat dan kedudukan mengikut keselesaan pelajar tersebut dalam masa yang sama Haji Hassan bin Ismail memantau kedudukan muridnya. Begitu juga, Haji Hassan bin Ismail akan memantau hafazan yang lama melalui murajaah di hadapannya (Abdul Aziz bin Mohd Nor; 2021).

ii. Penekanan terhadap ilmu Tajwid dan ilmu Qiraat

Penekanan terhadap ilmu tajwid dipandang serius oleh Haji Hassan bin Ismail dengan memberi teguran secara lansung semasa sesi hafazan atau semasa sesi talaqqi al-Quran. Selian itu ilmu tajwid juga diperkenalkan kepada pelajarnya dengan menggunakan kitab *Tuhfaul al-Atfal* karangan Sulaiman al-Jamzuri. Menurut Azhari Othman kelas pengajian ilmu tajwid, kelas qiraat, dan kelas tafsir al-Quran dilaksanakan setelah sesi murajaah hafazan al-Quran. Manakala bagi pengajian qiraat, Haji Hassan bin Ismail menggunakan kitab *Matan Syatibiyy* sebagai panduan dan sebagai rujukan. Haji Hassan bin Ismail juga menyarankan kepada semua pelajarnya untuk menghafal semua matan-matan qiraat tambahan lupa Haji Hassan bin Ismail sendiri dapat mengigatkan semua bait-bait matan qiraat.

iii. Penguasaan ilmu al-Quran

Menurut Ustaz Ahzari Othman, Haji Hassan bin Ismail dapat menguasai setiap bidang ilmu tertamanya dalam bidang al-Quran. Ini dapat dibuktikan melalui keadah pengajian yang disampaikan oleh Haji Hassan bin Ismail. Antara yang memberi kesan semasa sesi pengajaran adalah Haji Hassan bin Ismail dapat mengikat semua bait matan yang berkaitan dengan al-Quran tentang kedudukan, muka surat, dan sebagainya. Ini dapat dibuktikan juga dengan kehadiran Haji Hassan bin Ismail ke dalam kelas tanpa sebarang buku, kitab, atau nota disisinya.

iv. Murid dilatih sebagai imam Masjid Negara

Antara perkara yang penting kepada pengahafaz al-Quran adalah menjadikan bacaan al-Quran dibaca di dalam solat. Oleh yang demikian, pendekatan Haji Hassan bin Ismail kepada muridnya ialah melatih untuk dijadikan imam di Masjid

²⁵ . Ustaz Haji Azhari Othman. 2021. *Matan pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat*. Dikediannya di Ampang, Kuala Lumpur.

²⁶ . Ustaz Haji Abdul Aziz bin Mohd Nor. 2021. *Pesara kerajaan. Masjid Baru, Kuala Lumpur*.

Negara sama ada imam harian atau imam terawih. Abdul Aziz bin Mohd Nor berkongsi pengalaman sebagai imam di Masjid Negera dengan pelbagai perasaan yang perlu dihadapi yang mana di belakangnya terdapat guru yang sedang memerhatikan bacaan dan hafazannya. Mengimami jemaah adalah salah satu aktiviti yang wajib kepada setiap murid.

7. SUMBANGAN HAJI HASSAN BIN ISMAIL BERKISAR AL-QURAN

Selain sumbangan Haji Hassan bin Ismail dalam bidang tahfiz al-Quran, terdapat juga sumbangan yang berkaitan al-Quran yang menjadi rujukan masyarakat setempat. Antara yang ketara dapat dikenalpasti adalah sebagai hakim tilawah al-Quran.

- i. Hakim Musabaqah Tilawah al-quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Pemilihan sebagai Hakim musabaqah al-quran sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa adalah sesuatu yang sukar bagi jawatankuasa Majlis al-Quran Malaysia (MAQAM). Hal ini disebabkan oleh pihak jawatankuasa MAQAM harus mempertimbangkan beberapa kriteria sebelum dilantik sebagai hakim musabaqah al-quran supaya keputusan yang dibuat oleh jemaah Hakim adalah tepat mengikut pengalaman dan kepakaran pihak Hakim. Antara kriteria yang perlu dipenuhi sebelum dilantik sebagai Hakim musabaqah Tilawah al-quran ialah seseorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam ilmu al-quran seperti ilmu tajwid, fasahah, tarannum dan suara²⁷.

Justeru, Tuan Haji Hasan bin Ismail dilantik sebagai hakim tilawah al-quran di peringkat negeri Kebangsaan dan antarabangsa. Menurut majalah Warta Jabatan Agama Johor bilangan 127²⁸ menyatakan bahawa Tuan Haji Hasan bin Ismail dilantik sebagai hakim pada Majlis Tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan antara barisan yang terawal bersama lapan orang yang mewakili negeri Perak, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor, Pualau Pinang, Perlis dan seorang dari Republik Arab Bersatu. Barisan awal hakim Antarabangsa adalah seperti berikut²⁹:

- a. Tuan Haji Muhyuddin bin Abdullah (Perak).
- b. Tuan Sheikh Ramli Ismail (Kedah).

²⁷ . Nazarudin Shahari. 2019. MAQAM Pilih 12 Hakim Tilawah al-Quran Kebangsaan. Utusan online. Apri, 18. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/maqam-pilih-12-hakim-tilawah-al-quran-kebangsaan-1.866991>

²⁸ . Majalah Warta Jabatan Agama Islam. 1961. Pertandingan Bacaan al-Quran Kali kedua. Majalah: Warta Jabatan Agama Johor. Bil. 127. P: 3-5.

²⁹ . Majalah Warta Jabatan Agama Islam. 1961. Pertandingan Bacaan al-Quran Kali kedua. Majalah: Warta Jabatan Agama Johor. Bil. 127. P: 3-5.

- c. Tuan Haji Abdul Latif (Kelantan).
 - d. Dato' Purba DiRaja (Terengganu).
 - e. Tuan Sheikh Hassan bin Ismail (Johor).
 - f. Tuan Haji Ahmad Maliki (Pulau Pinang).
 - g. Tuan Sheikh Mahmud bin Mat Seman (Perlis).
 - h. Tuan Sheikh Muhamad Uthman bin Ali.
 - i. Sheikh Mahmud Khalil al-Husari (Republik Arab Bersatu)
- ii. Tarannum al-Quran

Penglibatan Tuan Haji Hassan bin Ismail dalam bidang tarannum tidak meluas berbanding dengan bidang al-tajwid dan qiraat. Namun demikian, Tuan Haji Hassan bin Ismail mempunyai penulisan berkaitan ilmu tarannum dalam ruang malajah Jabatan Agama Johor bilangan 127³⁰. Dalam penulisan Tuan Haji Hassan bin Ismail menjelaskan sejarah ilmu tarannum dan beberapa jenis tarannum yang biasa diperdengarkan oleh Qari tilawah al-Quran samada di Timur Tengah atau di Malaysia³¹.

KESIMPULAN

Peranan Haji Hassan bin Ismail dalam pendidikan tahfiz al-Quran dan bidang al-Quran umumnya adalah besar. Haji Hassan bin Ismail penggerak dan mencorak sepanjang perjalanan kelas pengajian tahfiz al-Quran di Pusat Islam, Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama juga, Haji Hassan bin Ismail merupakan rujukan masyarakat dalam bidang al-Quran selain jawatan yang pernah disandang sebagai Kadi di beberapa daerah di Johor. Dengan kebolehan dan kepercayaan dalam bidang al-Quran telah mengangkat Haji Hassan bin Ismail sebagai Pengetua Pusat Islam, Kuala Lumpur selama hampir 10 tahun (1970 – 1978) dan juga dilantik sebagai Hakim kebangsaan dan juga antarabangsa dalam pertandingan al-Quran. Haji Hassan bin Ismail merupakan antara barisan hakim yang terawal semenjak tubuhnya pertandingan al-Quran.

³⁰ . Hassan Bin Ismail. 1961. Penyelidikan Berkenaan Dengan Kitab-Kitab Tajwid Bahasa Melayu dan Qiraat. Majalah: Warta Jabatan Agama Johor. Bil. 127. P: 14-18.

³¹ . Abd Mutalib Abd Rahim. (2008). Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangnyanya Terhadap Pengajian al-Quran di Johor. UM, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: UM. (Tesis Print)

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Quran al-Karim.
- [2] Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair bin Nasir. Dar Tauq al-Najah.
- [3] Abd Mutalib Abd Rahim. (2008). *Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangannya Terhadap Pengajian al-Quran di Johor*. UM, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: UM.
- [4] Ab Rahman al-Qari Bin Abdullah, Shukeri Mohamad Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff. 2012. *Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim*. Proceedings of the 2nd Annual International Qur'anic Conference.
- [5] Bin Muhammad Yusoff, Muhammad Fawwaz. 2022. "Digital Islamic Studies and the Pedagogy: Non-Specialist Undergraduate Crossing into the Study of the Qur'ān". *Ulum Islamiyyah* 34 (1):1-9. <https://uijournal.usim.edu.my/index.php/uij/article/view/390>
- [6] Hassan Bin Ismail. 1961. *Penyelidikan Berkenaan Dengan Kitab-Kitab Tajwid Bahasa Melayu dan Qiraat*. Majalah: Warta Jabatan Agama Johor. Bil. 127.
- [7] Hassan Bin Ismail. 1961. "Sanad Qirā'at Sepuluh Yang Bagi Menyempurnakan bacaan Qirā'at Tujuh". Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor. Jabatan Agama Islam Johor. Bil. 126.
- [8] Khairul Anuar Mohammad. 2021. "Sumbangan Dato' Sollehuddin bin Omar Dalam Pendidikan al-Qurn di Malaysia". *Journal of Ma'alim al-Quran dan al-Sunnah*, Vol. 17 No. 2 (2021), page 1-19, <https://doi.org/10.33102/jmq.v17i2.314>
- [9] Khairul Anuar Mohamad. 2006. "Tokoh Pendidikan al-Quran Di Malaysia: Dato' Haji Muhammad Nor Bin Haji Ibrahim". *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, Vol. 1 No. 1 (2005), page 261-273, <https://doi.org/10.33102/jmq.v1i1.10>
- [10] Majalah Warta Jabatan Agama Islam. 1961. *Pertandingan Bacaan al-Quran Kali kedua*. Majalah: Warta Jabatan Agama Johor. Bil. 127.

- [11] Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Sallah Rosman. (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship. Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi, Malaysia. Vol: ISBN: 978-967-10160-9-1. (Kertas Kerja prosiding). Lihat: <https://www.islam.gov.my/en/darul-quran/profil>
- [12] Nazarudin Shahari. 2019. MAQAM Pilih 12 Hakim Tilawah al-Quran Kebangsaan. Utusan online. Apri, 18. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/maqam-pilih-12-hakim-tilawah-al-quran-kebangsaan-1.866991>
- [13] Sedek Ariffin. 2009. Kepentingan Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembacaan al-Quran. Jurnal Darul Quran.
- [14] Ungku Mohd Zaman Tahir. 2001. Segamat dan Mitosnya Bahagian 2. Johor: PGI CIPTA SDN BHD.

TEMURAMAH

- [15] Ustaz Haji Azhari Othman. 2021. Matan pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Dikediamannya di Ampang, Kuala Lumpur.
- [16] Ustaz Haji Abdul Aziz bin Mohd Nor. 2021. Pesara kerajaan. Masjid Kampung Baru, Kuala Lumpur.